

Angkasa jayakan agenda penghijauan

Kerjasama dengan Institut Perubahan Iklim, UKM dan Yayasan Hijau Malaysia menerusi Program Koperasi Prihatin Sejuta Pokok

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS
FOTO : ROSLI TALIB



Aishah melancarkan Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok simbolik dengan menanam pokok merbau diperhatikan oleh Abdul Fattah (kanan) dan Zakaria (kiri) yang diadakan di Tapak Hutan Simpan Sungai Lalang.



Abdul Fattah menyiram pokok merbau sebagai simbolik acara sambil diperhatikan oleh Aishah (dua dari kanan) dan Suriati (kanan) yang diadakan di tapak Hutan Simpan Sungai Lalang.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dengan kerjasama Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Yayasan Hijau Malaysia menjayakan agenda Penghijauan Malaysia dengan menanam sejuta pokok menerusi Program Koperasi Prihatin Sejuta Pokok.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, Angkasa menggerakkan inisiatif itu bagi menterjemahkan prinsip koperasi yang ketujuh iaitu mengambil berat terhadap masyarakat menerusi program 'flagship' tanggungjawab sosial korporat (CSR) CoopCare Angkasa.

Menurutnya, program itu juga bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memulihara dan memelihara alam sekitar serta menyemarakkan semangat cintakan alam demi pembangunan yang seimbang.

"Melalui program ini Angkasa sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan mahu penglibatan jitu dan usaha kolektif 14,657 buah koperasi dengan keanggotaan 7.1 juta melaksanakan usaha penanaman pokok secara berterusan.

"Ini seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) 2030 yang melengkapi keperluan sosial manusia, ekonomi, pendidikan, kestabilan politik dan juga keprihatinan terhadap alam sekitar," katanya.



Aishah (tengah) bersama Suriati (dua dari kiri) dan Abdul Fattah (dua dari kanan) bergambar selepas pelancaran menanam pokok pada program Pelancaran Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok yang diadakan di Tapak Hutan Simpan Sungai Lalang.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pra Pelancaran Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok di Hutan Simpan Sungai Lalang, Hulu Langat baru-baru ini.

Menurutnya, sebagai permulaan, Angkasa menjadikan tapak Hutan Simpan Sungai Lalang yang berkeluasan setengah hektar sebagai hutan angkat koperasi dengan menanam 312 batang pokok.

Katanya, ia menempatkan sembilan spesies pokok hutan seperti pokok kebangsaan Malaysia, pokok merbau dan pokok meranti batu, giam lintah bukit, kenuing bulu, merawan siput jantan, nyatoh taban merah, penaga lilin, pelong beludu dan perah.

Jelasnya, usaha itu akan diteruskan oleh semua pihak termasuk generasi muda yang akan diperkenalkan di koperasi-koperasi sekolah.

"Mereka ini perlu didedahkan daripada kecil supaya apabila dewasa mereka akan meneruskan program ini dan penting untuk kehijauan bumi.

"Kita mempunyai 2,500 sekolah menengah yang ada koperasi dan majoriti mereka terdapat kawasan lapang atau mereka boleh tanam di kediaman masing-masing," katanya.

Majlis Pra Pelancaran Kempen Koperasi Prihatin Sejuta Pokok itu dilancarkan oleh Penasihat Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) Kementerian Pembangunan Usahawan dan



ABDUL FATTAH

Koperasi, Profesor Datuk Dr. Aishah Salleh yang juga penaung program berkenaan.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Zakaria Hanafi; Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia, Datuk Suriati Ahmad; Pengarah Institut Perubahan Iklim UKM, Prof Madya Dr Zaini Sakawi serta anggota lembaga Angkasa, Dr. Mohd Azlan Yahya dan Datuk Che Mohd Shukree Che Isa.

Majlis pra pelancaran turut menyaksikan penanaman pokok ke-100 di tapak Hutan Angkat Koperasi sebagai simbolik kepada sambutan 100 tahun gerakan koperasi dalam usaha meningkatkan sosioekonomi masyarakat dan membangun keluarga Malaysia.

Beri manfaat

Sementara itu, Aishah berkata, usaha dan kesungguhan Angkasa dan gerakan koperasi dalam pemulihan hutan serta penggalakan penanaman semula pokok perlu dipuji.

Menurutnya, usaha itu bukan sahaja memberi manfaat kepada kehidupan manusia malah menjadi habitat dan tempat perlindungan flora, sumber makanan serta peluang untuk menjana ekonomi penduduk setempat.

Katanya, pokok dan ekosistem hutan memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesan perubahan iklim.

Bencana alam seperti banjir melanda dengan skala kemusnahan yang berbeza kerana lebih kerap berlaku dan membabitkan kawasan yang luas.

"Perubahan iklim yang semakin memberi kesan buruk mengakibatkan kerugian harta benda dan kehilangan nyawa.

"Saya percaya usaha Angkasa akan

memberi inspirasi kepada 7.1 juta anggota koperasi di seluruh negara memulakan langkah pertama untuk menyokong dan mengambil bahagian dalam program ini.

"Kita juga perlu uar-uarkan kepada umum bahawa Malaysia sekarang ini dalam proses menanam sejuta pokok dalam tempoh lebih kurang dua tahun," katanya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Angkasa dan UKM yang menjayakan program berkenaan malah optimis pada tahun 2023 matlamat ini berjaya dicapai.

Angkasa bekerjasama rapat dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk mengenalpasti kawasan hutan simpan seluas 20 ekar yang akan dijadikan sebagai "Hutan Angkat Koperasi" untuk dipulihara dan menjadi sebahagian daripada program ini.

Program kolaboratif ini juga dilaksanakan dengan sokongan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan Majlis Belia Malaysia (MBM).

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Mencipta Logo Kempen Koperasi Prihatin Sejuta Pokok kepada Hazman Md Jali yang membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500, pakej penginapan tiga hari dua malam di MyAngkasa Akademi dan Resort Langkawi beserta sijil penyertaan.

Maklumat lanjut berkenaan program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok boleh didapati menerusi laman sesawang rasmi www.sejutapokok.coop.